

PENDERITAAN PELADANG DIJADIKAN PELUANG

Awat dakyah-dakyah yang beracun!

(oleh penulis khas kita di Timur Tengah)

Pemerhati-pemerhati keadaan dan percaturan siasah dunia telah berpendapatan bahawa negeri-negeri di Timur Tengah itu dipandang kebal daripada dapat dipengaruhi oleh dakyah-dakyah komunis dengan sebab ajaran-ajaran Islam kerana dengan ajaran-ajaran Islam itu mereka mengetahui betapa kebebasan seseorang itu telah pun dirampas oleh komunis itu.

Tetapi walaupun pengajaran-pengajaran Islam itu berlawanan dengan faham-faham komunis tetapi orang-orang komunis itu ada mempunyai dasar-dasar siasah yang tertentu bagi sebuah negara yang sebahagian penduduknya terdiri daripada peladang-peladang yang kehidupannya kerap kali menderita yang menjadikan sebahagian orang dengan tidak panjang fikirannya mudah terpengaruh atau dipengaruhi oleh janji-janji bagi “kemakmuran” mereka dengan mengikut faham-faham komunis.

Dakyah-dakyah mereka itu mulanya diberi untuk memberi hak-hak tanah yang diambil daripada kepunyaan seseorang lali dibahagikan kepada mereka dengan sama rata dan kemudian dengan bersama-sama tanah itu diusahakan. Cara ini adalah mengikut rancangan Lenin yang membahagikan perkara itu kepada tiga peringkat: Memujuk tani (peladang-peladang) itu supaya mengikut tujuan-tujuan mereka yang kemudiannya terang keadaan mereka itu akhirnya jadi diperhamba. Tujuan itu demikian:

1. Peluang yang pertama dijalankan untuk kaum peladang yang tidak mempunyai milik tanah iaitu mereka ditolong mendapatkan tanah-tanah. Dengan cara tawaran ini sudah tentu mereka akan disokong oleh peladang-peladang yang banyak itu bagi mengadakan rampasan-rampasan hak-hak tanah yang dipunyai oleh hartawan-hartawan yang kaya (yang mengikut ajaran Islam bahawa hak itu dibolehkan kerana di dalam pengajaran Islam itu tiap-tiap seseorang itu adalah mengikut keadaan usahanya sendiri

tetapi mesti jangan memerah kepada orang-orang yang diupahnya mengerjakan tanah-tanahnya itu. Dalam hal ini Rasulullah ada bersabda yang maksud: Berilah upah seseorang itu sebelum lagi kering peluhnya.

2. Tanah-tanah yang dirampas itu dibahagikan-bahagikan kepada peladang-peladang yang sangat menderita itu tetapi mereka didesak memasuki suatu gabungan – “mengusahakan tanah dengan bergotong-royong”. Yakni berkorban bersama-sama.

3. Tanah yang ditanam dengan cara ini setelah mendapat hasil dan bagus akhirnya dijadikan hak negara dan semua hasil mahsul itu diuntukkan bagi negara semata-mata serta untuk faedah kerajaan jua – dengan ini hak milik seseorang itu telah dirampas pula sebagaimana juga hak milik orang-orang kaya yang dirampas tanah-tanahnya itu.

Dengan demikian itu seseorang peladang belum sempat pun merasa nikmat menjadi tuan di atas tanah yang diusahakannya tiba-tiba dirinya dipaksa bekerja untuk faedah kerajaan – dengan ini jelaslah bahawasanya indah khabar daripada rupa oleh kerana peladang – yang terletak di dalam perintahan komunis itu menjadi hamba abdi bagi kerajaan dan sentiasa ia dikerah untuk bekerja walau barang di mana jua yang dikehendaki dengan tidak ada kebebasan bagi diri dan bagi hak miliknya yang terbit daripada usaha dan tenaganya.

Sekalipun begitu tetapi keadaan itu tidak disedari oleh peladang-peladang yang tidak cukup pengetahuannya kerana kepada mereka itu dijalankan tujuan-tujuan itu dengan halus sehingga mereka tidak dapat menyelami bencananya. Untuk mencegah perkara ini maka semolek-moleknya pengajaran-pengajaran agama itu hendaklah diluaskan, sebab mengikut pelajaran agama seseorang itu mestilah bekerja lebih dahulu membaiki keadaan dan kehidupan dirinya, rumahtangganya, masyarakatnya dan persaudaraannya dengan penduduk-penduduk dunia yang lain iaitu dengan berperingkat-peringkat – dengan ini maka taraf hidup

seseorang itu akan baik dan terlepas daripada segala hasutan, yang berlawanan dengan pengajaran agamanya, agama Islam.

Islam menyuruh tiap-tiap seorang itu berusaha dan mencela sungguh kepada orang yang malas sehingga di dalam pengajaran Islam itu tidak ada satu pun hari kelepasan selain daripada sembahyang, Hari Jumaat yang dibesarkan oleh Islam itu bukannya hari kelepasan. Orang Islam disuruh berhenti berniaga apabila tiba waktu sembahyang Jumaat dan setelah lepas sembahyang itu maka mereka disuruh melata di bumi Allah untuk mencari rezeki yang diuntukkan kepada mereka yang ikhlas berusaha kerananya.

Islam tidak sekali-kali merampas hasil-hasil yang dapat daripada tenaga seseorang selain daripada diwajibkan kepadanya mengeluarkan zakat harta itu apabila cukup masanya untuk dikeluarkan zakat; dan orang-orang yang memiliki harta itu adalah digalakkan supaya bersedekah dan berbuat baik dengan peraturan, yang tertentu iaitu selepas dirinya, keluarganya (rumahnya) dan jirannya dan perbuatan-perbuatan berbuat baik adalah suatu perbuatan sehampir-hampir takwa kepada Allah.

Dengan ini terang bahawasanya berkorban adalah menjadi suatu kemuliaan di dalam Islam dengan memulangkan kepada kebolehan masing-masing – tidak dengan paksaan (selain daripada zakat) seperti yang dijalankan oleh komunis. Sekiranya di dalam Islam hartawan-hartawannya mengikut ajaran yang benar sudah tentu tidak ada di antara orang Islam itu yang menderita dan jauh sekali tercebuh kepada menghampiri faham-faham komunis yang tidak mempercayai kepada kekuasaan Tuhan yang menjadikan segala-galanya itu. Fahamkanlah kepada orang-orang kita pengajaran-pengajaran Islam nescaya terjauhlah kita daripada pengajaran-pengajaran dan dakyah-dakyah komunis. Berilah kepada anak-anak kita pelajaran tauhid – yang demikian itu sudah tetap akan menjauhkan orang-orang kita daripada terpengaruh kepada dakyahnya itu.

PENDAPATAN ULAMA LUBNAN

Beirut – Pada bulan November dahulu ulama di dalam di daerah “Baqa” di Lubnan telah mengadakan suatu persidangan dengan mengambil keputusan menuntut “Majlis Fatwa yang Tertinggi” mengeluarkan suatu fatwa mengharamkan fahaman komunis yang berbahaya itu daripada merebak dan mempengaruhi orang ramai. Pergerakan itu berusaha memerangi faham yang tersebut dan memandang sesiapa yang memegang faham itu keluar daripada agama Islam dengan keterangan yang nyata oleh kerana fahaman itu membawa orang tidak mengEsakan Allah dan bertuhan kepada kebendaan semata-mata – penulis khas.

Apabila seseorang daripada kamu makan berjemaah (sehidang) dan kamu telah kenyang maka janganlah kamu angkat tangan sebelum orang ramai mengangkat tangannya kerana perbuatan itu adalah memalukan orang yang bersekedudukan dengan kamu – al-Hadis.

-----*-----*-----



Kanak-kanak peladang (falihin) sedang dikawal memungut kapas dengan upah yang murah di Mesir. Demikianlah coraknya perusahaan-perusahaan kapas di tepi Sungai Nil yang menjadikan hartawan-hartawan Mesir kaya-raya.